

B B208 AAB
MAHATHIR-DADAH

SUBANG, 29 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN HARAM DADAH (ICTAID) DI VIENNA BARU-BARU INI BERHARAP PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DAPAT MENGIKUTI CARA PEMILIHAN JAWATAN YANG BARU DIPEGANGNYA ITU.

BELIAU YAKIN CARA PEMILIHAN YANG BERBENTUK RUNDINGAN YANG DIAMALKAN DALAM PEMILIHAN PRESIDEN ICTAID YANG PERTAMA ITU BOLEH MENJAMIN KESTABILAN DAN KEAMANAN JIKA IA DIPRAKTIKKAN DI NEGARA INI.

+ JADIKANLAH CARA PEMILIHAN PRESIDEN ICTAID ITU SEBAGAI SATU CARA PERJUANGAN POLITIK KITA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP DI PERHIMPUNAN RAKSASA MENYAMBUK KEPULANGAN BELIAU DARI VIENNA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA POLITIK SECARA RUNDINGAN ADALAH SEBAIK-BAIK ALTERNATIF UNTUK PERPADUAN MANUSIA DI SELURUH DUNIA AMNYA DAN RAKYAT DI MALAYSIA KHASNYA.

+ JIKA PRINSIP POLITIK CARA RUNDINGAN INI DIAMALKAN BAIK OLEH UMNO, MCA, MIC ATAU GERAKAN SUDAH TENTU PARTI-PARTI KOMPONEN BN INI AKAN MENJADI STABIL,+ UJAR BELIAU.

KATANYA, KESTABILAN YANG DIBAWA OLEH BN ITU AKAN MENJAMIN PULA KESTABILAN NEGARA DAN SETERUSNYA KESEJAHTERAAN RAKYAT SECARA MENYELURUH. - LAGI.

2108MST 29 06 87

B B213 AAB
MAHATHIR-DADAH 2 SUBANG

BELIAU MENYIFATKAN PEMILIHANNYA SEBAGAI PRESIDEN ICTAID ITU BUKAN HANYA KEJAYAAN PERIBADINYA BAHKAN IA LEBIH MERUPAKAN SATU KEJAYAAN BAGI NEGARA KESELURUHANNYA.

+ SAYA BANGGA KERANA DENGAN PEMILIHAN SAYA ITU, SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBUAT MALAYSIA DIHORMATI DAN DIIKTIRAF OLEH SELURUH DUNIA,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH KESEMUA 138 BUAH NEGARA YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU MEMBUKTIKAN KEYAKINAN MEREKA TERHADAP KETEGASAN MALAYSIA DALAM USAHA MEMBASMI MASALAH PENAGIHAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH.

KATANYA WALAUPUN PADA MULANYA TERDAPAT NEGARA YANG INGINKAN WAKIL MEREKA DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN, TETAPI AKHIRNYA DENGAN SEMANGAT PERUNDINGAN CALON BERKENAAN MENARIK DIRI DAN MEMBERI JALAN KEPADA MALAYSIA.

+ SEBALIKNYA ADA PULA SEBUAH NEGARA YANG MENAWARKAN TEMPATNYA KEPADA CALON YANG MENARIK DIRI ITU SUPAYA BELIAU DAPAT TURUT MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMERANGI DADAH,+ KATANYA. - LAGI.

2130MST 29 06 87

B B214 AAB
MAHATHIR-DADAH 3 SUBANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DULU TERDAPAT NEGARA-NEGARA YANG MENENTANG KETEGASAN MALAYSIA DALAM USAHA MENCEGAH PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH SEPERTI MENJALANKAN HUKUMAN MATI KEPADA PESALAH.

TETAPI BELIAU BERKATA DENGAN PEMILIHANNYA SEBAGAI PRESIDEN ICTAID TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA SECARA TIDAK LANGSUNG MENERIMA KETEGASAN MALAYSIA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA MALAYSIA MASIH MEMPUNYAI RAMAI KAWAN DI KALANGAN NEGERA-NEGERA DI SELURUH DUNIA TERMASUK NEGARA-NEGERA KUASA BESAR.

+ DASAR DAN AMALAN KITA MENGENAI MASALAH PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH TIDAK DITENTANG OLEH SEMUA NEGARA DI DUNIA SEPERTI YANG DIJANGKAKAN SEBELUM INI,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA BELIAU MENDAPAT KERJASAMA DAN SOKONGAN YANG PENUH DARI PARA PESERTA DAN JUGA PEMIMPIN PERSIDANGAN ICTAID BAGI MEMBOLEHKANNYA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN SEMPURNA. - BERNAMA

D053

R B222 BAH
MAHATHIR-TIBA 3 SUBANG 9'9'9' (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

ENCIK SAMAH HAJI AHMAD YANG DIPILIH BERCAKAP BAGI PIHAK RAKYAT MALAYSIA MEMUJI PERDANA MENTERI KERANA KEJAYAANNYA DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN ICTAID.

KATANYA PEMILIHAN PERDANA MENTERI SEBAGAI KETUA SATU FORUM ANTARABANGSA TELAH MEMBUKA LEMBARAN BARU DALAM SEJARAH TANAH AIR DAN +TELAH MEMPERTINGKATKAN POPULARITI MALAYSIA SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGARA YANG TERPENTING DI DUNIA.+

ENCIK SAMAH JUGA BERKATA FITNAH-FITNAH OLEH GOLONGAN ANTI-NASIONAL TIDAK BOLEH MENCACATKAN PENGHARGAAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN NEGARA OLEH PERSIDANGAN NEGARA YANG DIHADIRI OLEH HAMPIR KESEMUA NEGARA DUNIA.

SANJUNGAN-SANJUNGAN YANG DIBERIKAN ITU DIIRINGI DENGAN LAUNGAN +HIDUP MAHATHIR+ DAN +MAHATHIR WIRA BANGSA+ OLEH SEBAHAGIAN DARIPADA 15,000 YANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU. - BERNAMA.

2359MST 29 06 87